

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 45 RABU 5 NOBEMBER, 1969 1389 رابو 24 شعبان PERCHUMA

Filem2 pelajaran untuk sekolah2 di-negeri ini

BANDAR BRUNEI. — Murid2 sekolah di-negeri ini tidak lama lagi akan di-bekalkan dengan tayangan2 wayang gambar bagi menambahkan pengetahuan mereka sa-chara mudah untuk mengenali perkembangan negara.

Tayangan itu akan di-usahakan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan yang menempah filem tersebut dari Kesatuan Penyiaran Asia (ABU) yang Brunei menjadi ahli bersekutu dalam kesatuan itu.

Pengambilan filem mengenai perkembangan di-negeri ini yang sa-bahagian besar-nya memusatkan penggambaran-nya ka-arrah perkembangan pelajaran telah di-lakukan tahun lalu oleh kesatuan itu.

ABU telah melaksanakan pembikinan filem2 untuk ka-sekolah2 bagi di-bekalkan kepada negara2 yang bersekutu dalam kesatuan itu yang berintisarikan perkembangan2 yang berlaku di-negara2 tersebut.

Pembikinan filem itu telah di-biayai oleh Yayasan Edward E. Ford dengan derma dari yayasan itu sa-banyak \$25,000 U.S. ia-itu kira2 \$75,000.00 wang Brunei.

Ini telah di-nyatakan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Pengiran Mohammad bin Pengiran Damit Matserudin sekembali-nya dari menghadiri Persidangan Kesatuan Penyiaran Sa-Asia yang keenam yang berlangsung di-Auckland, New Zealand baru2 ini. Beliau telah di-temani oleh Ketua Jurutera, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Awang Norman J. A. Frigout.

Di-samping membincangkan siri2 filem pelajaran Kesatuan Penyiaran Asia, sidang itu telah juga membincangkan mengenai dengan hubungan penyiaran radio dengan kemajuan luar bandar, hubungan di-antara musik asli dan pop moden, penyiaran perdagangan dan perhubungan angkasa lepas.

(Lihat Muka 8)



Gambar menunjukkan je-maah hakim yang mengha-kimkan peraduan ranchan-an2 siaran radio yang di-pengerusikan oleh Miss M. Masani dari India dan ahli2-nya terdiri dari Pengi-ran Mohammad bin Pengi-ran Damit Matserudin, Brunei (kanan sekali); Awang D. Brooks dari Hongkong (bersandar memeg-ang skrip); Awang R. Seo-tojo dari Indonesia (terlin-dong dekat Awang Brooks); dan di-kiri sekali, Awang B. P. Shah dari Nepal. (Gam-bar kiriman Don Patton dari New Zealand Broadcasting Corporation).

Ketua Chawangan Khas di-kurniakan O. B. E.

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Queen telah mengurniakan bintang kebesaran dan pingat kepada dua orang pegawai Pulis Di-Raja Brunei dan sa-orang pegawai tentera Gurkha yang di-tempatkan di-Seria.

Pengurniaan tersebut telah di-umumkan dalam senarai penerima2 bintang2 dan pingat2 bersempena hari kepu-teraan Baginda dalam bulan Jun lepas.

Ketua Chawangan Khas Pulis Di-Raja Brunei, Dato G. E. Coster, telah di-kurniakan Bintang Order of the British Empire, Major Arthur William Steane dari pasokan ke-10 Princess Mary Own Gorkha Rifles di-Seria di-kurniakan Bintang Member of the British Empire dan Awang Michael Joseph Heincen di-kurniakan Colonial Police Medal.

Bintang2 dan pingat itu telah di-sampaikan oleh Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair dalam satu upacara khas yang telah di-adakan di-rumah kediaman beliau di-Jalan Residency pada hari Isnin lepas.

Di-antara yang hadir di-upachara itu termasuk-lah Pesurohjaya Pulis Di-Raja Brunei, Dato Seri Laila Jasa Awang J. R. H. Burns, Timbalan Pesurohjaya Pulis Di-Raja Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja, Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid dan jemputan2 khas.



Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi, Awang Adair sedang menyam-paikan bintang O.B.E. kepada Dato Coster.

MASAALAH iman atau keperchayaan adalah satu perkara yang awal sekali disebutkan dalam kehidupan manusia, sama ada ia itu orang Islam atau pun bukan Islam. Uga-ma Islam menitikberatkan masaalah Iman ini kepada umat Islam dan telah menerangkan hukumnya sajelas2-nya bahawa awal sekali kewajipan manusia Islam itu ia-lah mengenal dan mengakui ada-nya zat Allah yang esa. Maka dari sini baharu-lah di-mulai satu penyusunan bentok keIslamman atau keUgamaan yang bersifat Islam. Kerana Iman bagi Islam ada-lah roh yang mula sekali dalam kehidupan Ugama, dan sa-saorang itu tidak akan di-anggap ber-Iman dan Islam kalau dia tidak mengenal Allah dan tiada mengakui ujud-nya zat Allah itu. Dan demikian jua tiada di-kirakan Islam atau sa-benar-nya Islam jika hanya dengan mengikut2 buta tiada mengenal apa arti yang sabenar-nya.

Iman atau keperchayaan, mengikut Ibnu Mas'ud arti-nya Yakin seluroh-nya itu-lah Iman. Ia ada-lah ibarat satu kuasa pengendali, kuasa penuju dan kuasa penyatu atau pembelah yang amat kuat untuk memberikan kekuasaan dan kekuatan kepada manusia dalam hidup-nya. Ketiadaan Iman atau kekuatan ini berarti manusia tiada akan dapat berjalan dengan baik menuju apa yang di-katakan "As-Siratul Mustaqeem", malahan perjalanan-nya itu akan menjadi simpang siur seperti sa-buah kenderaan yang tiada pemandu.

Apakah sa-benar-nya tanda2 bahawa manusia itu beriman? — Adakah kerana ia selalu memakai serban besar? — atau selalu beribadat di-masjid sahaja? — atau pandai berdoa berjela2 panjang doa-nya?

Umar bin Abdul Aziz telah berkata: "Bahawa Iman itu mempunyai kewajipan2, Undang2 dan batas2an serta juga sunat2, maka barang siapa yang menchukupkan-nya ia akan menchukupkan Iman-nya dan barang siapa yang tidak menchukupkan-nya, ia tiada akan menchukupkan Iman-nya.

Sebab itu di-dalam hadith Nabi telah di-terangkan bahawa bentok2 yang menggambarkan Iman dan ke-Islaman sa-saorang itu banyak sekali; dapat kita lihat dari pengakuan - nya; perbuatan2 dan kata2-nya. Sabda Nabi sendiri tersebut: "Iman itu lebih daripada enam puluh macam bentuk-nya, dan perasaan malu itu salah satu daripadanya".

Dari sini dapat-lah kita lihat betapa Islam telah menetapkan dan menggambarkan bahawa untuk menampakkan sa-saorang itu Islam atau tidak Islam, berIman atau tidak maka kita lihat-lah pada tiga segi yang telah saya terangkan tadi; bukan-lah kerana pemandangan lahiriah yang nampak kepada kita sa-chara nyata saja, kerana apa yang kita lihat selalunya hanya-lah kulit, yang selalunya memang menarek

Minggu ini pembacha dapat pula mengikuti sharahan yang di-sampaikan oleh Awang Yahya bin Haji Ibrahim, M.A. (Al-Azhar) yang telah di-sampaikan beliau dalam peraduan membacha Kitab Suchi Al-Quran Sa-Negeri Brunei yang berlangsung dalam bulan lepas.

Intisari dari sharahan beliau ini amat baik untuk renongan seluroh Umat Islam di-negeri ini khas-nya pada mengetahui sabenar2-nya akan maana Iman dan Keperchayaan. Dari sharahan ini juga sakurang2nya telah dapat menghuraikan dan memberi petunjuk2 untuk memahami tentang arti Iman dan Keperchayaan itu yang sa-jauh ini kebanyakan di-antara Umat Islam sendiri mengetahui-nya dalam keadaan yang samar2 sahaja. Isi sharahan ini juga sakurang2-nya dapat menimbulkan tenaga pendurong agar Umat Islam sentiasa berusaha untuk menambahkan ilmu pengetahuan mereka untuk benar2 membekalkan diri sa-bagai sa-orang Islam.

MAANA IMAN DAN KEPERCHAYAAN DALAM KEHIDUPAN MANUSIA

tetapi ia-nya palsu.

Dalam kehidupan kita sehari2 dapat kita lihat masaalah keperchayaan dan Iman ini dalam dua keadaan: pertama, pada suatu bangsa; ia-nya dapat di-sifatkan sa-bagai semangat kebangsaan. Dengan ada-nya semangat itu anak bangsa tadi akan perchaya dan berani berdiri menegakkan dan menampakkan kehidupan bangsa-nya dengan tidak ada rasa kompleks rendah diri dan dengan demikian mereka akan dapat menampakkan identity atau shahsiah mereka. Bagi satu bangsa yang tidak ada rasa kebangsaan dan tidak dapat menampakkan semangat kebangsaan, maka mereka tidak akan dapat hidup sa-bagai suatu bangsa yang bebas dan berharga di-mata ramai. Mereka boleh hidup dan meneruskan kehidupan itu, mungkin boleh mewah dan senang, tetapi mereka tetap miskin dan tidak dapat memperkenalkan diri-nya kepada mata dunia — dan dengan itu mereka akan mudah di-kuasai dan di-ta'aluk oleh bangsa lain yang lebih besar rasa kebangsaan-nya.

Saya ambil satu chuntoh: Orang Inggeris perchaya bahawa mereka ada-lah orang yang paling bertamaddun dan berbahasa tinggi. Mereka perchaya dan mengekalkan keperchayaan ini di-mana2 saja — dan hasil-nya bahasa mereka, kebudayaan dan pengaruh mereka dalam bidang2 politik internasional dapat di-rasakan oleh kita.

Chuntoh kedua ia-lah pada sa-orang pekerja. Sa-orang pekerja atau kakitangan yang menjalankan tugas yang tidak perchaya kepada kerja-nya atau tidak mempunyai rasa insaf kepada kerja-nya itu akan

hanya menjadi alat di-atas meja atau istilah orang sekarang "biarokrat". Orang2 seperti ini, kerana tidak ada keperchayaan pada diri-nya hanya akan dapat menjalankan apa yang ada, tetapi tiada dapat mempengaruhi orang lain, atau mungkin akan menyebabkan pentadbiran menjadi rosak disebabkan oleh-nya dan olah-nya. Tentu-lah orang yang seperti ini banyak kita dapati dalam masyarakat kita. Dan seperti yang kita sama2 saksikan bahawa mereka ini-lah yang menjadi beban kepada kemajuan sa-suatu negara yang sedang membangun.

Dalam membincangkan masaalah keimanan dengan manusia ini, kita tiada dapat lari dari memperkatakan manusia dan sifat2-nya.

Ugama Islam ada-lah menghargai manusia dan manusia telah di-berikan oleh Allah satu kedudukan yang tiada taranya di-antara makhluk2 Allah. Allah Subhanahu Wataala telah berfirman di-dalam Al-Quran yang arti-nya:

"Kami telah jadikan manusia itu dalam bentok yang paling indah".

Masaalah keindahan ini terlalu umum; tiada dapat ditentukan maana yang satepat-nya sebab ia-nya perkara yang relative; yang nisbi; yang tiada ukuran seperti ukuran ilmu hisab yang ada dengan formula2-nya yang tertentu. Tetapi dalam hal ini kita di-berikan gambaran oleh Allah S.W.T. dengan dua ayat yang sa-sudah ayat tadi, ia-itu yang arti-nya:

"Kemudian kami balekkan mereka menjadi orang2 yang di-bawah sekali, melainkan mereka yang beriman dan berbuat kebajikan, maka bagi mereka itu ada-lah balasan yang tiada tertkira banyak-nya".

Dari dua pengertian ini dapat kita simpulkan bahawa yang di-maksudkan oleh Allah



Awg. Yahya bin Hj. Ibranim, M.A. (Al-Azhar).

akan maana keindahan bagi manusia itu bukan hanya bentok badan dan lahir, tetapi ia-lah IMAN dan PEKERJAAN-nya.

Itu-lah arti keindahan yang sa-benar-nya yang kalau manusia mempunyai-nya jadi-lah ia Insan Kamil — manusia yang sempurna. Tetapi bukan-nya semudah itu kita akan dapat memberi maana kepada manusia. Manusia yang indah ia-lah manusia beriman. Tetapi bagaimanakah kelmanan itu akan dapat di-chapai?

Manusia telah di-kurniakan oleh Allah S.W.T. tiga jenis kekuatan yang tiada ada pernah di-berikan kepada makhluk2 lain daripada makhluk Allah; ia-itu-lah kekuatan ingatan; kedua, kekuatan mengkhayal, dan, ketiga, kekuatan berfikir. Semua-nya ini terkumpul di-dalam suatu kompleks jiwa yang penting yang di-namakan akal.

Ingatan memberikan kesan untuk mengembalikan pengalaman yang lalu, ingatan ini berkumpul dan menerbitkan satu keinginan atau kehendak kepada yang dahulu atau pun keinginan lari daripadanya.

Perkara ini di-tambah dengan khayalan yang chuba menjasadkan perkara itu di-hadapan dan di-ruang mata dan khayalan akan menimbulkan rasa sedih atau sakit sehingga jadi-lah manusia ingin menchapai atau menolak perkara2 itu. Dari sini ia men-

(Lihat Muka 3)

PELAJARAN ANAK2 MESTI DI-AMBIL BERAT

MAANA IMAN DAN KEPERCHAYAAN DALAM KEHIDUPAN MANUSIA

(Dari Muka 2)

chari akal dan menjalankan akal-nya untuk berusaha sama ada mendapatkan atau membuang-nya.

Ketiga2 ini bertali2an dan bersambung2 antara satu sama lain di-dalam akal manusia dan di-dalam pertalian2 ini-lah terserah nasib badan dan untong manusia antara baik dengan burok atau bahagia dengan chelaka.

Maka terserah-lah lagi kepada akal untuk menentukan-nya. Kebaikan akal dan fikiran ada-lah satu hal yang sangat2 di-jaga oleh Islam. Nabi s.a.w. telah bersabda: "orang yang tiada berakal itu tiada ber-Ugama, dan orang yang tiada berakal itu ia-lah orang yang tiada dapat di-perchayai".

Sebab akal manusia itu ada-lah pemandu. Jika Iman itu satu kekuatan memandu manusia menuju jalan bahagia maka akal memandu manusia sampai kepada Iman. Sebab itu-lah dalam hukum Islam orang gila tiada di-wajibkan apa2; kanak2 tiada di-beri taklif kerana kurang akal-nya.

Al-Quran telah selalu menekankan betapa manusia itu perlu berfikir menggunakan akal dan kecerdasan dalam hidup-nya sa-hari2; jangan jadi batu dan jangan jadi buntu fikiran kerana menggunakan akal memberikan sinar kepada manusia untuk berjaya dan menchari kejayaan senentiasa.

Di-dalam Al-Quran telah berbagai2 chara di-suruh manusia berfikir dengan kata2: Adakah mereka tiada berakal?, adakah mereka tiada memerhatikan?, adakah mereka tiada berfikir?, adakah mereka tiada mentadbir?, adakah mereka tiada memahami?, dan lain2 lagi.

Dan, jangan kita lupakan bahawa di-dalam akal itu juga ada satu kompleks lain yang memusuhi Iman dan akal itu sendiri daripada menjalankan tugas-nya; ia-itu-lah sifat kufur, sifat nifaq dan sifat enggan.

Dan di-dalam akal itu-lah terjadi-nya peperangan yang maha hebat yang tiada dibandingkan oleh kekuatan senjata atau lain2 alat peperangan dari dahulu sampai sekarang.

Di-dalam tiap2 kali kita sembahyang kita membaca surat Al-Fatihah sa-banyak 17 kali sa-hari semalam: "Th-dinassiratal mustaqim" — berikan-lah kami hidayat ia-itu titian yang lurus". Tetapi banyak kita yang tiada faham akan doa ini, dan hubungan-nya dalam peperangan jiwa yang maha dahshat itu.

Arti-nya badan manusia itu ada-lah jadi saksi peperangan tadi dan kita berusaha supaya akal akan menang untuk menchari dan menchapai kelmanan yang membawa kebahagiaan tadi.

Maka dari sini-lah timbul-nya dua bangsa perbuatan manusia yang tradisional; ia itu-lah bangsa jahat dan bangsa baik.

Maka dapat-lah kita mengambil satu kesimpulan bahawa manusia itu di-jadikan oleh Allah dalam bentuk yang indah, tetapi indah saja tiada cukup. Kerana itu manusia di-suruh beriman dan beramal baik, serta di-suruh berfikir dan mentadbirkan akal-nya. Dan ini-lah manusia yang indah, kerana orang yang tiada menggunakan kekuatan2 yang tiga di-beri oleh Allah dan tiada percaya kepada-nya ada-lah orang yang tiada banyak guna-nya baik kepada diri-nya atau kepada masyarakat-nya.

(Bersambung minggu depan)

KHUTBAH JUMA'AT

PELAJARAN ada-lah satu perkara yang amat mustahak dalam serba perbuatan dan pekerjaan, oleh itu Ugama Islam telah memandang berat di-atas perkara ini sa-hingga telah mewajibkan ka-atas orang Islam lelaki dan perempuan dan juga mewajibkan ibu bapa mengajar dan mendidik anak2-nya berperengkat2 sa-hingga umur anak itu akil balig.

Al-hamdullillah pada masa ini tanggung-jawab yang maha berat itu telah dapat di-ringankan oleh satu dasar kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan mengadakan sekolah2 dan rumah pelajaran serta memberi guru2 yang chukop dalam semua bidang yang di-buat oleh kerajaan, termasuklah juga pelajaran Ugama Islam.

"Dengan didekan yang baik akan menyalamatkan anak2 itu daripada perkara yang mendatangkan kejahatan dan keburokan"

Perkara pendidikan dan mengambil berat hal keadaan anak2 itu pernah di-ingatkan kepada ibu bapa oleh Duli Yang Maha Mulia dalam titah Baginda pada malam penutup peraduan membaca Al-Quran perengkat negeri baru2 ini yang berbunyi:

"Harapan Beta pertamanya kepada ibu bapa dan penjaga murid2 sekolah supaya mereka dapat memberi pertunjuk dan pimpinan yang baik kepada anak2 mereka, supaya mereka itu sentiasa berjalan di-atas landasan2 yang di-halalkan dan menumpukan perhatian mereka sa-penohnya kepada pelajaran".

Di-atas titah Baginda yang berharga pada malam itu tidaklah patut di-ambil ringan oleh sa-tiap orang2 Islam dan penduduk negeri ini sa-bagai sa-orang yang bertanggung-jawab sudah kena-lah pada tempat-nya Baginda bertitah sa-demi-kan dan ini tidak-lah berten-

tangan dengan ajaran2 Ugama Islam yang sangat2 menguatkan di-atas pemelok2-nya yang berpelajaran yang munafaat yang mana di-anggap sa-bagai penggerak dan pendurong kepada kesempurnaan hidup keselamatan sa-terus-nya ber-bahagia di-akhirat.

Di-sekolah ada-lah satu masa yang singkat lagi terhad kepada sa-orang guru mengajar atau mendidik anak2 murid-nya yang begitu ramai, oleh itu ada-lah sangat patut sa-bagai sa-orang bapa atau penjaga anak2 itu bertanggung-jawab di-atas pelajaran anak2 itu apabila berada di-rumah. Dengan lain perkataan tiap2 ibu bapa atau penjaga kanak2 hendak-lah sentiasa mengikuti pelajaran anak2 dan tingkah laku-nya, adakah betul2 mereka belajar untuk menjadikan sa-orang anak yang baik lagi berguna kepada masyarakat di-masa akan datang.

Perkara tanggung-jawab ini pernah Rasulullah memberi ingatan kepada kaum muslimin dengan sabda-nya yang bermaksud:

"Anak yang di-lahirkan oleh ibu-nya itu ada-lah bersehh, maka kedua ibu bapa-lah yang akan menjadikan anak itu mengetahui nasrani dan masjusi".

Oleh itu mari-lah kita semua mengambil berat di-atas pelajaran anak2 kita itu moga2 dengan ingatan dan didekan yang baik akan ber-bahagia-lah kita dan sa-terus-nya selamatkan anak2 itu daripada terpengaruh dari perkara2 yang mereka tidak tahu perkara2 akan mendatangkan kejahatan dan keburokan kepada mereka dan sa-terus-nya menjadikan negara kuchar kachir yang keselamatan-nya akan tidak terjamin.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 5 Nob., 1969 hingga ka-hari Selasa 11 Nob. 1969 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
5 Nob.	12-10	3-28	6-07	7-21	4-33	4-48	6-05	
6 Nob.	12-10	3-28	6-07	7-22	4-34	4-49	6-05	
7 Nob.	12-10	3-28	6-07	7-22	4-34	4-49	6-06	
8 Nob.	12-10	3-28	6-07	7-22	4-34	4-49	6-06	
9 Nob.	12-10	3-28	6-07	7-22	4-34	4-49	6-06	
10 Nob.	12-10	3-28	6-07	7-22	4-34	4-49	6-06	
11 Nob.	12-11	3-29	6-07	7-22	4-35	4-50	6-07	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

5hb. Nohember, 1969.

GURU DAN MURID

KAUM pendidik merupakan satu golongan yang terpenting sekali dalam sa-sabua negara yang membangun. Sa-bua negara yang tidak mempunyai kaum pendidik-nya yang progersif tidak akan dapat membantu negara-nya untuk sampai kepada satu taraf apa yang di-takan sa-bagai sa-tanding dengan negara2 yang maju di-dunia.

Keckekapan pendidik merupakan satu aspek yang perlu dalam membekalkan angkatan2 baru yang bukan hanya sa-kadar ilmu pengetahuan sahaja, tetapi juga dalam jurusan2 kehidupan seperti memberikan ajaran2 yang berkesan kepada anak2 yang maseh dalam keadaan "rebong" supaya hidup bertatertip, semangat tidak jemu dengan dunia pelajaran dan ber-bagai2 jurusan kehidupan yang lain.

Memang di-sedari bahawa tugas guru tidak-lah sa-mudah tugas sa-orang kerani dalam pejabat apabila habis masa berkerja, kerja yang tidak siap hari ini boleh di-sambong besok dan ada kala-nya satu kerja itu baru dapat di-siapkan dalam jangka masa sa-minggu. Tetapi berlainan dengan pendidik, habis mengajar hari ini mesti di-siapkan pula mata2 pelajaran untuk esok di-samping dengan kesebukan2 memereksa buku2 latehan murid yang bertimbun2 dan berfikir chara2 menghadapi murid2 yang beraneka ragam perangai-nya pada besok hari. Keadaan serupa ini merupakan kebiasaan dan kaum pendidik tidak dapat lari daripada-nya kecuali berhenti dari menjadi sa-orang guru.

Di-samping itu pula, kaum pendidik sentiasa di-buru oleh murid2 dan mereka tidak dapat lari dari lirekan ekor mata murid2 yang maseh rebong itu. Murid2 akan melihat guru2 itu sa-chara menyeluroh dan kesan-nya akan dapat membawa kebaikan kepada murid2 yang saban kali melihat guru2 yang membuat kerja2 yang baik dengan tata-tertib yang menggamit perasaan. Keadaan ini tidak mesti hanya berkisar di-dalam sekolah sahaja, tetapi juga di-luar sekolah seperti di-pekan2 yang tidak mustahil dari bertembong dengan murid2 mereka.

Dari sini juga kita dapat melihat betapa berat-nya beban yang di-pikul oleh sa-orang guru itu. Pindek kata, saban hari dan waktu kaum pendidik dengan tidak sa-chara langsung terikat dengan keadaan2 yang di-sebutkan.

Tetapi jika ada sa-orang murid yang tidak bertatertip, tidak pula boleh di-salahkan kepada guru, kerana ada gulongan2 yang bertanggung-jawab lagi ia-itu Ibu-bapa dan penjaga2 murid. Ibu-bapa besar tanggung-jawab-nya dalam pen-didikan rohani anak2 mereka dan mereka harus memandu anak2 mereka dengan lebeh hati2 lagi dalam menghadapi gelombang dunia yang serba moden ini.



▲ Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ketika berangkat tiba di-Masjid Omar Ali Saifuddin untuk menyaksikan istiadat Akad Nikah Di-Raja pada hari Juma'at lepas.

► Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan sedang menchuliki bedak di-raja kepada Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna di-Istiadat Berbedak pada malam Juma'at lepas.

▼ Yang Mulia Pengiran Haji Abdul Aziz dengan di-apit oleh ayahanda-nya (sebelah kanan) dan Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar Pengiran Haji Mohammad (kiri) tiba di-Masjid Omar Ali Saifuddin untuk menjalani Akad Nikah.



ISTIADAT2 MENJELANG PERKAHWINAN DI-RAJA

ISTIADAT Akad Nikah Di-Raja bagi perkahwinan di-antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dan Yang Mulia Pengiran Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar telah selamat di-langsungkan di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada hari Juma'at 31 Oktober lepas.

Istiadat Mengakad Nikah itu telah di-laksanakan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Si-Raja Khatib Haji Awang Abdul Hamid.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berangkat ka-Istiadat Akad Nikah itu dengan di-iringi oleh pembesar2 negara.

Yang Mulia Pengiran Haji Abdul Aziz tiba di-Masjid dengan di-apit oleh ayahanda-nya dan Yang Amat Mulia

Pengiran Shahbandar Shaibol Bandar Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Piut serta di-iringi oleh 24 orang yang membawa alat2 kebesaran di-raja yang terdiri dari enam Tumbak, enam Pedang dan 12 Sinipit.

Kemudian, Yang Mulia Pengiran Haji Abdul Aziz dudok di-atas 'Kasur Namat' yang di-kelilingi oleh empat batang dian yang sedia terpasang yang di-hadapi oleh empat orang Awang2 yang berpakaian istiadat.

Istiadat tersebut telah di-akhiri dengan bacahan do'a selamat yang di-bachakan oleh Y.D.M. Pehin Tuan Imam Dato Paduka Haji Awang Mohd. Yusof.

Hadhir menyaksikan istiadat Akad Nikah itu termasuklah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Amat Mulia Cheteria2 serta pembesar negara.

Sementara itu pada malam Juma'at lepas Istiadat Berbedak Di-Raja bagi Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna telah di-langsungkan di-Balai Singgahsana Istana Darul Hana.

Istiadat tersebut telah di-dahului oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan menchuliki bedak di-raja kepada adinda Baginda di-ikuti oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Isteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Raja serta pembesar2 negara.

Istiadat berinai di-raja akan di-langsungkan di-Bilik Pengangunan di-raja Istana Darul Hana pada malam ini, sementara Istiadat Bersanding Di-Raja akan di-langsungkan di-Balai Singgahsana Istana Darul Hana esok, 6 Nohember jam 2.30 petang.

▼ Yang Mulia Pengiran Haji Abdul Aziz dengan di-iringi oleh ayahanda-nya (kanan) dan Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar Pengiran Haji Mohammad dengan di-dahului oleh 24 orang yang membawa alat2 kebesaran di-raja yang terdiri dari 6 Tumbak, 6 Pedang dan 12 Sinipit ketika tiba di-pekarangan Masjid Omar Ali Saifuddin untuk menjalani Istiadat Akad Nikah.




► Gambar atas: Yang Mulia Pengiran Haji Abdul Aziz menziarahi Duli Yang Maha Mulia sa-telah istiadat Mengakad Nikah selesai di-jalankan. Atas kanan: Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan di-ikuti oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Muda Mohammad Bolkiah ketika berangkat tiba di-Masjid Omar Ali Saifuddin.

► Yang Mulia Pengiran Haji Abdul Aziz ketika menjalani Akad Nikah yang di-laksanakan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Si-Raja Khatib Haji Awang Abdul Hamid.



▼ Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar sedang menchuliki bedak di-Istiadat Berbedak Di-Raja kepada Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna.



▲ Yang Mulia Pengiran Haji Abdul Aziz kelihatan sedang menandatangani surat nikah.



◀ Sa-lapas menjalani Akad Nikah, Yang Mulia Pengiran Haji Abdul Aziz telah menziarahi semua pembesar2 negara yang hadir di-upacara tersebut. Gambar atas menunjukkan Yang Mulia Pengiran Haji Abdul Aziz sedang menziarahi ayahanda-nya, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

KEMBALI DARI PERSIDANGAN MALARIA ASIA DI-K.L.

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Perubatan dan Kesihatan, Dr. Y. H. Paik, telah pulang ka-Brunei sa-lepas mewakili negeri ini ka-Persidangan Malaria Asia yang ke-enam yang telah di-adakan di-Kuala Lumpur dari 15 hingga 22 Oktober lepas.

Persidangan itu telah di-hadiri oleh lebih dari 150 orang peserta dari 22 buah negara.

Dr. Paik berkata, bahawa sidang itu ada-lah amat berjaya.

Beliau berkata, di-antara tajok2 yang telah di-bincangkan di-sidang itu ia-lah laporan mengenai malaria di-negara2 yang di-wakili di-persidangan itu, pelaksanaan rancangan penghapusan malaria yang chekap, masa'alah2 teknikal yang di-hadapi dalam gerakan menghapuskan malaria dan perkara2 mengenai pentadbiran dan gerakan yang berkaitan dengan gerakan itu.

Dr. Paik berkata, walaupun rancangan penghapusan malaria di-Brunei telah berjalan dengan baik dan mencapai beberapa kemajuan tetapi ia-nya di-kelilingi oleh negara2 yang maseh lagi di-ancham oleh penyakit malaria.

Beliau menambahkan, untuk menchegeh penyakit itu dari merebak semula, maka ada-lah mustahak memperketatkan langkah2 berjaga2 selagi anchaman penyakit itu maseh ada.

Dr. Paik berkata, langkah2 ini ia-lah di-laksanakan dengan menyemborkan kawasan2 sempadan Brunei dengan ubat DDT dan dengan yang demikian mengujudkan kawasan perlindungan atau penghalang dan memereksa semua buroh2 yang di-datangkan dari negara2 yang di-jangkiti oleh penyakit itu.

Beliau berkata, langkah2 berjaga2 yang ketat mesti juga di-ambil terhadap anggota2 pasukan bersenjata Brunei yang kembali dari tugas2 di-negara2 yang di-serang oleh penyakit malaria.



Gambar atas menunjukkan Yang Berhormat Awang Abdul Wahab sedang menyampaikan Piala rebutan kepada ketua pasukan GPPS, Awangku Ibrahim.

GPPS MASEH HANDAL

Upacara penyampaian sijil2 pertolongan chemas

BANDAR BRUNEI. — Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair selaku Yang Di-Pertua Palang Merah Negeri Brunei telah menyampaikan sijil2 dan lenchana2 pertolongan chemas kepada ahli2 pasukan Pandu Puteri Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri dan ahli2 pasukan Palang Merah Chawangan Brunei-Muara.

Upacara tersebut telah berlangsung di-Ibu Pejabat Palang Merah di-Jalang Ong Sum Ping, Bandar Brunei pada hari Rabu lepas.

Di-antara yang hadir di-upacara itu ia-lah Puan Adair yang menjadi Pesuruhjaya Pandu Puteri Brunei dan ahli2 Palang Merah serta pandu puteri.

TUTONG. — Pasukan Persatuan Gerakan Pakatan Pemuda Sukarela, Tutong — GPPS telah menjadi johan sekali lagi dalam perlawanan akhir hoki anjoran Persatuan Melayu Luagan Dudok sa-telah mengalahkan pasukan Persatuan PERDA Penanjong dengan lima gol tidak berbalas.

Perlawanan tersebut telah di-adakan di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim pada hari Juma'at lepas.

Dalam sa-paroh masa pertama pasukan GPPS telah menjaringkan dua gol dan tiga lagi dalam sa-paroh masa kedua.

Kemenangan pasukan GPPS di-jaringan oleh Yahya Manaf — dua gol, Awangku Ibrahim, Abdul Aziz dan Abdullah Haji Jaafar, masing2 menjaringkan satu gol.

Perlawanan di-anjarkan bersempena menyambut ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-23 tahun di-jalakan dengan chara kalah mati.

Sa-banyak 10 buah pasukan telah mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat, Awang Abdul Wahab bin Orang Kaya Setia Negara Mohammad Safar.

Tutong akan mempunyai Sekolah Persediaan Menengah

TUTONG. — Tutong akan mempunyai sa-buah Sekolah Persediaan Menengah yang moden apabila kerja2 membena sekolah tersebut selesai dalam bulan November tahun depan.

Kerja2 menbena sekolah itu telah di-mulakan pada 1 hari-bulan Disember tahun lepas dan sedang berjalan dengan lancar.

Kira2 90 peratus kerja2

membena tiga blok rumah jenis Class 'F', telah pun selesai.

Kerja2 membena sekolah menengah itu dan dewan sedang berjalan menurut rancangan dengan 80 peratus pembenaan-nya telah pun selesai.

Lain2 bangunan yang sedang di-bena ia-lah empat buah blok asrama yang berasingan dan lapan unit rumah pangsa.

Lebih 26,000 murid2 sekolah mula berchuti 10 Nobember

BANDAR BRUNEI. — Penggal terakhir bagi lebih dari 20 ribu orang murid2 sekolah rendah dan menengah Melayu akan berakhir pada 10 Nobember ini apabila sekolah2 tersebut di-tutup bagi chuti hujung tahun.

Bilangan penuntut2 yang berchuti akan bertambah lebih dari 6,000 orang apabila sekolah2 Inggeris Kerajaan di-tutup pada hari yang sama.

Sekolah2 Melayu dan Inggeris Kerajaan akan di-buka semula pada 5 Januari 1970.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, bilangan murid2 di-sekolah2 Melayu akan bertambah sedikit apabila penggal persekolahan pertama di-mulakan tahun hadapan.

Kata-nya, Jabatan tersebut telah mendaftarkan 2,272 orang kanak2 termasuk 1,110 perempuan yang lahir sebelum 1 Julai, 1964 untuk di-masokkan ka-sekolah2 Melayu.

Murid2 baru akan di-masokkan ka-sekolah2 saminggu sa-lepas penggal pertama di-buka.

Sa-Jain dari Sekolah2 Melayu dan Inggeris Kerajaan, terdapat juga beberapa buah sekolah misi yang mengajar bahasa Inggeris di-negeri ini.

Sekolah2 tersebut akan di-tutup bagi penggal terakhir tidak beberapa lama lagi.

JUALAN BUNGA POPPY 8 NOBEMBER

BANDAR BRUNEI. — Jualan Bunga Poppy bagi tahun ini akan di-adakan pada pagi hari Sabtu 8 Nobember ini.

Penjual2 bunga tersebut akan di-tempatkan di-hotel2, kedai2, sekolah, bank2 dan pusat perniagaan di-Bandar Brunei.

Hasil dari jualan Bunga Poppy itu akan di-gunakan untuk menolong bekas anggota tentera British yang chachat atau yang tidak dapat menjalankan sa-barang pekerjaan.

Maseh ada peluang untuk tunaikan haji

BANDAR BRUNEI. — Bahagian Urusan Haji Jabatan Hal Ehwal U gama mengumumkan bahawa maseh ada lagi beberapa tempat kosong untuk menunaikan fardhu haji dengan menaiki kapal terbang.

Sa-orang juruchakap Bahagian Urusan Haji berkata, permohonan2 hendaklah di-hantar ka-Jabatan Hal Ehwal U gama tidak lewat dari 20 Nobember.

Bakal2 haji yang pergi dengan kapal terbang di-jadualkan berlepas dari Labuan menuju ka-Jeddah dalam dua penerbangan. Penerbangan per-

tama akan berlepas pada 27 Januari dan penerbangan kedua berlepas pada 31 Januari.

Kempen chegah penyakit kerongkong

KUALA BELAIT.— Rombongan Jabatan Perubatan dan Kesihatan Kuala Belait sedang menjalankan kerja menyuntik bagi mencegah penyakit kerongkong dose kedua kepada kanak2 di-26 buah kampung di-Ulu Belait.

Sa-orang juruchakap jabatan itu berkata, sa-ramai 275 kanak2 yang berumur ka-bawah 10 tahun telah menerima ubat dose yang pertama apabila rombongan itu memulakan kempen menyuntik dalam bulan September lepas.

Sa-jumlah besar kanak2 di-kawasan pendalaman itu telah menerima ubat suntikkan bagi mencegah penyakit kerongkong dari jururawat2 kesihatan di-klinik2 di-kawasan itu dan dari rombongan perubatan yang menggunakan pesawat helikopter.

Jabatan Perubatan dan Kesihatan mula menjalankan kempen tersebut berikutan terdapatnya kejadian penyakit itu di-kalangan kanak2 di-kawasan itu.

PEPEREKSAAN 'STENO' DALAM BAHASA MELAYU

BANDAR BRUNEI.— Peperiksaan "Steno" dalam bahasa Melayu akan di-adakan pada hari Juma'at 19 Disember depan di-Sekolah Melayu SMJA Pusu Ulak Bandar Brunei.

Peperiksaan itu di-anjorkan oleh Trengkas Melayu Institute Malaysia dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa.

Peperiksaan itu mengandungi tiga peringkat ia-itu peringkat Junior, Senior dan Advance.

Chalun2 yang hendak memasoki peperiksaan itu mesti-lah mempunyai kelulusan Trengkas dan Menaip.

Mereka yang ingin memasoki peperiksaan peringkat Junior hendaklah boleh menulis Trengkas 80-100 perkataan saminit dan boleh Menaip 20-25 perkataan sa-minit.

Peringkat Senior, trengkas 110-120 p.s.m. dan Menaip 30-35 p.s.m. Peringkat Advance Trengkas 130-150 p.s.m. dan

Menaip 35-40 p.s.m.

Bayaran bagi memasoki peperiksaan itu ia-lah \$15.00 bagi peringkat Junior, \$20.00 bagi peringkat Senior dan \$30.00 bagi peringkat Advance.

Borang2 memasoki peperiksaan itu boleh didapati dari guru2 trengkas dan menaip atau di-Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa Bandar Brunei. Borang2 itu hendak-lah di-kembalikan tidak lewat pada 25 Nohember ini.

PERKASA sandang tiga kejohanan dalam perlawanan sepak raga jaring anjoran PGGMB

BANDAR BRUNEI.— Pasokan Persatuan PERKASA telah memenangi tiga kejohanan dalam perlawanan sepak raga jaring anjoran Perseku-

tuan Guru2 Melayu Brunei.

Dalam perlawanan akhir yang telah di-adakan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada malam Sabtu lepas, PERKASA 'B' telah mengalahkan pasokan KUBU dalam perlawanan kalah mati dengan 15-7 dan 15-7.

Dalam perlawanan sepak raga jaring bulatan, pasokan PERKASA telah menang dengan mendapat 388 mata.

Pasokan PERKASA 'A' juga telah menjadi johan dalam perlawanan league.

Perlawanan tahunan itu di-anjorkan bersempena menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-23 tahun bagi Daerah Brunei-Muara.

Sa-banyak 27 pasokan dari 17 buah persatuan2 belia di-daerah ini telah mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut.

Perlawanan pada malam itu

telah di-rasmikan oleh Yang Di-Pertua Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei, Awang Shabbudin bin Saleh.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Penolong Menteri Kebajikan dan Pos, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Mohammad Limbang.

Ketua Kampung Bengkurong

BANDAR BRUNEI.—Awang Haji Chuchu bin Haji Nayan telah di-lantik menjadi Ketua Kampung Bengkurong (sachara sukarela) mulai bulan April, 1969.

Sa-buah surat keliling Pejabat Daerah Brunei-Muara yang di-terbitkan baru2 ini mengingatkan kepada pehak2 yang berkenaan supaya meng-hubungi beliau jika ada perkara yang berkaitan dengan kampung tersebut.



Yang Di-Pertua PGGMB., Awang Shabbudin bin Saleh sedang diperkenalkan kepada pasokan PBB sa-belum perlawanan di-mulakan.

SI-TUYU oleh:m.salleh ibrahim



GURU2 DI-INGATKAN SUPAYA BERTUGAS PENOH MINAT

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Pelajaran, Dato Malcolm MacInnes telah menggesa guru2 muda yang baru menamatkan latehan perguruan supaya mematohi dua-belas perkara penting semasa dalam perkhidmatan sa-bagai guru.

Kedua2-belas perkara itu ada-lah merupakan tatatertib yang harus di-patohi bagi meninggikan taraf moral sa-orang pendidek dan mengarahkan guru2 supaya sentiasa mengikuti perkembangan2 pelajaran yang berubah2 mengikut aliran masa.

Dato MacInnes menyatakan kedua2-belas perkara itu ketika berucap di-Malam Aneka Warna Latehan Perguruan yang berlangsung di-Dewan SMMP pada hari Sabtu lepas sa-bagai malam perpisahan penuntut2 maktab yang akan keluar mengajar tidak lama lagi.

Di-antara kedua2-belas perkara itu menjelaskan bahawa kejayaan pelajaran ada-lah terletak kepada asas2 kerjasama dan tanggung-jawab2 yang benar2 di-laksanakan dengan baik dan mempunyai jiwa ke-taatan.

Dato MacInnes menasihatkan guru2 muda itu supaya sentiasa melaksanakan tugas dengan semangat yang penoh minat ia-itu sa-bagai salah satu sifat yang tinggi mutu-nya bagi sa-orang guru yang baik.

Kata-nya, hendak-lah ditegaskan kepada murid2 tentang betapa penting-nya menjadikan diri mereka sa-bagai sa-orang yang bersifat jujur, benar dan adil.

Guru2 hendak-nya berusaha untuk mengetahui mana yang baik dan tidak baik terhadap diri kanak2 dan berusaha untuk mengujudkan yang baik dan membaiki yang burok itu.

Mengenai dalam masa latehan sa-lama tiga tahun itu, Dato MacInnes berharap kepada guru2 muda tersebut supaya sentiasa mengingati nasihat2 dan petunjok2 yang telah diberikan oleh pensharah2 mereka dan mengamalkan-nya semasa menjalankan tugas guru sapenoh-nya.

Pengetua Maktab Perguruan Brunei, Awang P. D. Parshad ketika memberikan pesanan terakhir-nya kepada guru2 muda itu telah memberikan petua2 untuk menjadikan diri mereka sa-bagai guru2 yang baik dan tegas menjalankan tugas penting itu.

Petua2 itu di-samping menyuruh patoh kepada tugas2 yang di-tentukan telah juga menggesa guru2 itu supaya mengamalkan sifat2 merendahkan diri di-sisi Tohan, kerana manusia tidak sunyi daripada kesalahan dan kesalahan2 itu hendak-lah di-akui dan di-betulkan.



Gambar atas: Pengarah Pelajaran, Dato Malcom MacInnes sedang memberikan ucapan dalam Majlis Perpisahan bagi guru2 Maktab Perguruan yang akan keluar mengajar tidak lama lagi. Gambar bawah: Satu adegan drama sa-babak yang di-persembahkan oleh ahli2 Persatuan Drama maktab tersebut dalam majlis pada malam itu.

Sa-ramai 185 orang guru telah tamat latehan pada akhir tahun ini yang terdiri dari 120 orang dari kursus C, 29 kursus A dan 36 dari kursus B.

Malam perpisahan itu telah disulami dengan pementasan drama dan tarian2 dan telah di-hadiri oleh pegawai2 kanan Jabatan Pelajaran, pensharah2, guru2 besar dan jemputan2 khas.

Guru2 muda itu telah memberikan ucapan minum selamat kepada Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Baginda yang di-ketuai oleh Awangku Md. Hassan bin Pengiran Zainal.



MELIHAT ANAK BULAN RAMADZAN

BANDAR BRUNEI. — Pegawai2 di-Jabatan Hal Ehwal Uagama dengan kerjasama Pegawai2 dari Jabatan Ukur akan melihat anak bulan Ramadhan untuk menentukan permulaan Puasa bagi umat Islam di-negeri ini.

Sa-orang juruchakap di-Jabatan Hal Ehwal Uagama berkata, pegawai2 itu akan melihat anak bulan pada hari Isnin 10 Nohember ini di-tiga Daerah ia-itu di-Bukit Tabor Bintang di-Berakas, Sungai Bera di-Seria dan Istana Pantai di-Tutong.

Juruchakap itu berkata, menurut hisab yang di-kira oleh Jabatan Ukur bahawa waktu mulai dapat melihat anak bulan Ramadhan ia-lah pada 10

Nohember, 1969 pada pukul 5.10 petang.

Juruchakap itu menambahkan, sekira-nya anak bulan Ramadhan dapat di-lihat pada petang 10 Nohember maka hari permulaan Puasa akan jatuh pada hari Selasa 11 Nohember dan jika tidak hari permulaan puasa akan jatuh pada hari Rabu 12 Nohember.

Barisan tamat latehan rekrut2 AMDB

BERAKAS. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Muda Mohammad Bolkih akan memeriksa barisan tamat latehan rekrut2 baru Askar Melayu Di-Raja Brunei pada hari Juma'at 7 Nohember.

Upacara tersebut akan di-adakan di-padang perbarisan Berakas

Oleh2 dari persidangan ABU

(Dari Muka 1)

Persidangan itu telah di-hadiri oleh 86 orang perwakilan dan pemerhati2 dari 30 buah negara termasuk beberapa buah dari Eropah dan Amerika Utara.

Pengiran Mohammad menyatakan bahawa sidang itu telah dapat menimbulkan idea2 yang baru untuk memesatkan kegiatan2 perkhidmatan penyiaran dan penerangan sa-bagai saloran yang terpenting terutama dalam memberikan gambaran2 jelas terhadap perkembangan negara.

Beliau berkata bahawa persidangan itu bukan hanya menghabiskan masa dalam perma-shuaratan, tetapi telah juga di-anjorkan satu peraduan bagi ranchangan2 siaran radio dan Talibisen yang berintisarkan perkembangan, pertanian, kebudayaan dan aspek2 yang lain yang berfaedah kepada negara.

Brunei, kata-nya, ia-lah salah sebuah negara yang di-lantek menjadi hakim dalam peraduan yang di-ambil bahagian oleh 12 buah negara terdiri dari Malaysia, Jepun, Korea, Taiwan, India, Indonesia, Ceylon, Turkey, New Zealand, Sweden, Afrika dan Pakistan.

Peraduan itu telah di-menangi oleh Radio dan Talibisen Malaysia dengan siaran2 ranchangan2 perkembangan luar bandar-nya, dan berjaya merebut Oskar ABU.

Mengenai persidangan itu, beliau berkata bahawa sidang pertama telah di-adakan di-Sydney, Australia dari 14 hingga 16 Oktober dan hasil sidang itu telah di-bincangkan dalam persidangan agong yang berlangsung di-Auckland dari 21 hingga 24 Oktober, 1969.

Pengiran Mohammad telah juga menimbulkan tentang Pesta Radio bagi Asia dan Rantau Selatan Pasifik yang di-anjorkan oleh ABU dalam tahun 1970 ini dan menyatakan harapan yang Brunei akan dapat menyertai pesta itu.

Kemunchak dari Pesta itu, kata-nya, ia-lah permainan musik2 asli di-rantau Asia dan Pasifik yang beliau percaya yang Brunei akan dapat mempersembahkan beberapa bahan yang baik dan menarik dari musik2 asli-nya.

Pengiran Mohammad telah menarek perhatian dalam perbincangan2 mengenai ranchangan2 luar bandar di-radio yang di-sifatkan beliau amat berguna bagi Radio Brunei dalam usaha2-nya memberikan penerangan2 mengenai projek2 perkembangan luar bandar di-negeri ini.

ABU telah di-tubuhkan dalam tahun 1964 untuk membantu dalam usaha mengembangkan perkhidmatan radio dan Talibisen di-negara2 anggota dan untuk menggalakkan penggunaan penyiaran bagi memupok pembangunan negara dan kerjasama serta hubungan muhibbah antara bangsa.

Brunei telah menjadi anggota sekutu ABU sejak kesatuan itu di-tubuhkan dalam tahun 1964.

Sa-takat ini, perhimpunan2 Agong tahunan ABU telah di-adakan di-Australia, Tokyo, Taipei, Singapura dan New Delhi.

Kem mulai jam 8.30 pagi.

Sa-buah kenyataan yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Askar Melayu Di-Raja Brunei menjemput saudara mara rekrut2 itu untuk menyaksikan upacara perbarisan tamat latehan tersebut.

Kenderaan akan di-sediakan dan akan berlepas dari Dewan Kemasharakatan tepat jam 7.15 pagi.